Dokumen Meja Terkawal

SEBUT HARGA DALAM TALIAN

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

NO. SEBUT HARGA	**MBSJ.KUB.400-5/6/670**
TARIKH BUKA	**29 OKTOBER 2025**
TARIKH TUTUP	**11 NOVEMBER 2025**
MASA TUTUP	**12.00 TENGAH HARI**

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR D.E.
www.mbsj.gov.my

Dokumen Meja Terkawal

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

MBSJ.KUB.400-5/6/670

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	**SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER**	SS 1 – SS 5
B	**SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6**	SAP 1 – SAP 2
C	**BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)**	BP 1
D	**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)**	SAS 1
E	**ARAHAN KEPADA PETENDER**	AKP1 - AKP11
F	**BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA**	BS1 – BS3
G	***PREAMBLES***	P 1 – P 2
H	**JADUAL KADAR HARGA**	JKH 1 - JKH 2
J	**PENENTUAN PERKHIDMATAN** **i) SENARAI SEMAK**	SST 1 – SST 3
K	**TUNTUTAN BAYARAN & KADAR DENDA**	TBD1
L	**SURAT BUKTI PEMILIKAN / PENYEWAAN** **i) J1 – JENTERA** **ii) J2 – LORI**	SPP 1 SPP 2
M	**MAKLUMAT PETENDER**	MP 1 - 12

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN A

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

Dokumen Meja Terkawal

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA DAN MAKLUMAT PETENDER

1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.

2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan memetingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan dipertimbangkan di dalam penilaian keupayaan kami.

4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak akan dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.

5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budi bicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini atau pun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.

Dokumen Meja Terkawal

SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER

(~~KERJA/BEKALAN~~/PERKHIDMATAN)

Sila tandakan [√] Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Sila tandakan [X] Bagi Dokumen-dokumen Yang Tidak Disertakan atau Tidak Berkaitan.

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Petender adalah **diwajibkan** mengemukakan **sekurang-kurangnya satu** (1) dari perkara-perkara berikut :		
	a) Salinan Penyata Bank Bulanan bagi **tiga (3) bulan** terakhir sebelum tarikh tutup sebut harga bagi bulan **Julai, Ogos, September dan Oktober 2025 (penyata bank tersebut hendaklah disahkan oleh pihak bank yang mengemukakan penyata tersebut) atau;**	☐	☐
	b) Jumlah simpanan yang terdiri daripada deposit tetap, Amanah Saham, Tabung Haji (bagi perniagaan jenis milikan tunggal) (jika berkaitan) **atau;**	☐	☐
	c) Baki nilai kemudahan kredit (jika berkaitan) dengan pengesahan daripada institusi kewangan **atau;**	☐	☐
	d) Nilai kemudahan kredit tambahan yang layak/akan diperolehi dengan pengesahan daripada bank atau institusi kewangan (jika berkaitan) **atau;**	☐	☐
	e) Sebarang salinan dokumen/surat pengesahan sebagai bukti kepada bayaran dijangka, kemudahan pinjaman dari bank, overdraf, kemudahan kredit dari pembekal dan lain-lain **yang terkini dan disahkan atau;**	☐	☐
	f) Salinan akaun yang diaudit oleh Akauntan bertauliah bagi **tiga (3) tahun kewangan terakhir** yang telah disahkan oleh Akauntan bertauliah tersebut bagi Syarikat Sdn Bhd sahaja; **Penyata Bank di atas telah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK yang mengeluarkan penyata tersebut (penyata yang tidak disahkan akan mengakibatkan sebut harga tuan tidak akan dipertimbangkan semasa penilaian sebut harga dibuat)**	☐	☐

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
4	Borang Pengisytiharan Pemunya Benifisial- (Lampiran 12) yang telah siap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐
5	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dengan tandatangani. **(Wajib**)	☐	☐
6	**Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** bagi tahun kelender semasa dan **berstatus 'PATUH'** – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil. 1 Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di Lampiran Arahan Petender. **(Wajib)**	☐	☐
7	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 **atau**: Salinan Borang Teras (*Super Form*) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. **(Wajib)**	☐	☐
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dan/atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	☐	☐
9	Borang A – Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Petender lengkap diisi dan ditandatangani. **(Wajib)**	☐	☐

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
10	Petender adalah diwajibkan mengemukakan sekurang-kurangnya satu dari perkara-perkara berikut : i) Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jentera & Lori (bagi pemilikan sendiri) ii) Salinan Surat Perjanjian Penyewaan dan Salinan Sijil Pemilikan Kenderaan Jentera & Lori (bagi syarikat yang mempunyai perjanjian sewaan, atau iii) Borang J1 (Surat Penyewaan Jentera & Lori) dan Salinan Sijil Pemilikan Jentera & Lori seperti di bahagian J (bagi syarikat yang tidak mempunyai perjanjian sewaan) yang telah lengkap diisi	☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐
11	Bagi membolehkan penilaian teknikal dilakukan, petender perlu mengemukakan bukti pemilikan/keempunyaan loji, jentera, peralatan dan lain-lain seperti (untuk mana-mana sekiranya berkaitan) i) Kenderaan / jentera dengan menyertakan salinan Sijil Pemilikan Kenderaan / Sijil / Surat Pajakan ii) Peralatan kerja dengan menyertakan senarai peralatan beserta bilangan iii) Pengalaman kerja dengan menyertakan Surat Setuju Terima (SST) yang telah DISAHKAN dan laporan penilaian prestasi oleh agensi terlibat. iv) Salinan sijil-sijil kursus/seminar/latihan berkaitan	☐ ☐ ☐ ☐	☐ ☐ ☐ ☐
12	Lain-lain (Sila nyatakan) : i) _____ _____ ii) _____ _____	☐ ☐	☐ ☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	**UNTUK KEGUNAAN JABATAN**
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil……...(jika ada) Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama: Jawatan : Tarikh :

* Sila potong mana tidak berkenaan

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN B

SURAT AKUAN PEMBIDA

- LAMPIRAN 6

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 6

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

MBSJ.KUB.400-5/6/670

Saya, ….....…(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ……..... yang mewakili …..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ……..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

2.1. Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
2.2. Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah

Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.
Yang benar,

Tandatangan : …….....

Nama : …….....

No. K/P : …….....

Tarikh : …….....

Cap Syarikat : …….....

Catatan:

(i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] .

(ii) **Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN C

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 12

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

MBSJ.KUB.400-5/6/670

Saya …… nombor kad pengenalan ……..…..…. yang mewakili syarikat ……..……. nombor pendaftaran ……. (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [*Akta A1701*] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)
Cap Syarikat :
Catatan: * **Potong yang mana tidak berkenaan**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN D

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

Dokumen Meja Terkawal

LAMPIRAN 13

SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

MBSJ.KUB.400-5/6/670

Saya, …..... (Nama Wakil Syarikat) …..... No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili …..... (Nama Syarikat) …..... nombor Pendaftaran …..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) …..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;

ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan

iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 *[Akta 670]* dan Akta Kerja 1955 *[Akta 265]* serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 *[Akta 265]* serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : .....
Nama : .....
No. KP : .....
Tarikh : .....
Cap Syarikat : .....

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN E

ARAHAN KEPADA PETENDER

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

BORANG SEBUT HARGA DAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI :
CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

Kepada :

Datuk Bandar,

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

1. Saya / Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan jadual kadar harga, dengan ini bersetuju menawarkan diri untuk melaksanakan bekalan-bekalan / perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan tawaran harga diskaun yang ditawarkan sepertimana di bawah dan / atau Penentuan Perkhidmatan tersebut. Yang bertandatangan di bawah ini mengemukakan tawaran melaksanakan kerja-kerja ini dengan kadar tawaran diskaun sebanyak *.....% (dengan perkataan : .....)
peratus daripada kadar harga sepertimana di dalam Jadual Kadar Harga di dalam dokumen sebut harga ini :
Nota: *. Isikan kepada dua titik perpuluhan (Cth: 15.50 atau 15.00)

2. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan bahawa tawaran diskaun tersebut akan digunakan untuk menawarkan kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga bagi menghasilkan Jumlah Bayaran yang akan dibuat terhadap sesuatu pesanan/arahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa.

3. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa nilai anggaran bekalan-bekalan / perkhidmatan keseluruhan perolehan ini adalah dijangka dalam lingkungan **RM12,500.00 sebulan** dan tertakluk kepada setiap arahan kerja yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di mana dan apabila perlu dijalankan.

4. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa Jumlah Harga Kumulatif bagi keseluruhan tempoh kontrak ini adalah sebanyak **RM150,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh Ribu Sahaja)** melainkan terdapat apa-apa arahan tambahan dari Pegawai Penguasa yang disifatkannya sesuai. Tempoh kontrak juga boleh ditamatkan sekiranya harga siling kontrak asal atau harga kontrak tambahan telah mencapai maksimum walaupun tempoh kontrak masih belum mencapai **satu (1) tahun** atau tempoh lain yang ditetapkan di dalam kontrak.

5. Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima dan bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis.

6. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujuterima atau menolak Sebut harga ini, sama ada tawaran diskaun lebih rendah atau lebih tinggi daripada Sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama tawaran harga diskaunnya dengan sebut harga yang lain. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang Sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janjian lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

7. Saya/Kami juga maklum bahawa akan menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ seperti dinyatakan di dalam perkara 21.0 Arahan Kepada Petender.

8. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa sebut harga ini akan ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Majlis sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini bagi membatalkan pendaftaran yang bertandatangan di bawah ini sebagai kontraktor Kerajaan, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

Bertarikh pada …… haribulan…….2025.

……...	……
(Tandatangan Petender)	(Tandatangan Saksi)
Nama Penuh : ……...	Nama Penuh : ……
No. Kad Pengenalan :……	No. Kad Pengenalan :……
Alamat : ……..	Alamat : ……
…….....	……
No. Telefon : …….	No. Telefon : …….
Tarikh : ……	Tarikh : ……

……
(Meterai atau Cap Petender)

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Petender yang dipelawa mestilah daripada mana-mana syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di dalam kod bidang : 221503 – Penyewaan & Pengurusan Kenderaan/Jentera/Kenderaan Rekreasi. Sila sertakan salinan sijil berkaitan dan juga sijil taraf Bumiputera (sekiranya ada) dari Kementerian Kewangan.

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan adalah merupakan jaminan ke atas sebut harga yang dikemukakan. Oleh itu sekiranya Petender menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Sebut Harga diberikan kepadanya, maka tindakan akan diambil berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 8 – Tindakan Tatatertib ke atas Syarikat dalam perolehan Kerajaan.

3. Syarikat hendaklah memiliki jentera jengkaut yang mempunyai spesifikasi berat dengan muatan 20 tan dan lori loader yang mempunyai permit sekurang-kurangnya 30 tan. Pihak syarikat hendaklah bertanggungjawab atas segala salahlaku atau kesalahan yang melanggar spesifikasi yang diperlukan oleh pihak Majlis.

4. Syarikat hendaklah memiliki lori 5 tan dan 10 tan yang mempunyai permit yang sah. Pihak syarikat hendaklah bertanggungjawab atas segala salahlaku atau kesalahan yang melanggar spesifikasi yang diperlukan oleh pihak Majlis.

5. Syarikat hendaklah memiliki lori 10 tan *open tipper* yang mempunyai permit yang sah. Pihak syarikat hendaklah bertanggungjawab atas segala salahlaku atau kesalahan yang melanggar spesifikasi yang diperlukan oleh pihak Majlis.

6. Syarikat hendaklah memiliki pekerja yang mempunyai permit yang sah untuk melakukan kerja-kerja yang telah diarahkan. Pihak syarikat hendaklah bertanggungjawab di atas segala salahlaku atau kesalahan yang melanggar spesifikasi yang diperlukan oleh pihak Majlis.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

PREAMBLES

Dokumen Meja Terkawal

PREAMBLES

TAJUK SEBUT HARGA : CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TAHUN 2026

NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/670

BIL.	*PREAMBLES*
A	Nota makluman dan pematuhan ini merupakan sebahagian dari dokumen kontrak dan perlu dibaca bersama dengan kadar harga yang dinyatakan di dalamnya.
B	Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua kerja mengikut arahan dan penetuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan. Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.
C	Setiap pekerja atau mana-mana individu berkait dengan petender adalah diwajibkan memakai peralatan keselamatan seperti topi keselamatan, vest keselamatan, but keselamatan dan lain-lain peralatan keselamatan yang perlu selama dia berada di lokasi atau tapak kerja. Kegagalan berbuat demikian, laporan kepada pihak berkuasa yang berkaitan akan dibuat untuk tindakan mengikut akta keselamatan pekerja bagi setiap kesalahan oleh setiap pekerja atau individu tersebut.
D	Semua kadar harga di dalam Jadual Kadar Harga ini adalah berdasarkan kadar upah buruh, kadar sewa jentera, kos harga bahan dan juga kos pengurusan (overhead) serta keuntungan.
E	Tuntutan bayaran interim secara bulanan hendaklah dikemukakan oleh pihak kontraktor di dalam tempoh satu (1) minggu pada bulan berikutnya dan denda lewat hantar tuntutan akan dikenakan sepertimana di dalam Arahan Kepada Petender.
	BAYARAN FI UNTUK PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK
F	Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.
G	Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan penyewaan jentera berat ini serta makluman kepada petender adalah seperti di **Penentuan Perkhidmatan**.

Dokumen Meja Terkawal

BIL.	*PREAMBLES*
	PERLINDUNGAN TAKAFUL / INSURANS
H	Kontraktor hendaklah menyediakan Perlindungan Takaful / InsuransTanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (Rujuk Perkara 23.0 dalam Arahan Kepada Petender)
J	Walaupun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans. Nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan / atau Polisi Pampasan Pekerja.

BIL.	HURAIAN
A	**AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 (Akta SST 2018)** 1. Semua tawaran harga secara Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah TANPA KENAAN SST. 2. Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj SST kepada pihak Majlis. 3. Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaan SST. 4. Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST telah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST. Pelarasan harga kenaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P) 5. Harga adalah dalam Ringgit Malaysia termasuk Cukai dan Duti Kerajaan. Kadar harga tersebut adalah tetap di sepanjang tempoh kontrak.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

JADUAL KADAR HARGA

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL KADAR HARGA

1. Jadual kadar harga ini merupakan sebahagian daripada kontrak dan hendaklah dibaca bersama-sama spesifikasi / penentuan perkhidmatan.

2. Kadar harga yang dipersetujui hendaklah digunakan sebagai asas pengiraan kos bagi apa-apa perubahan yang boleh diarahkan selaras dengan terma kontrak.

3. Semua kadar harga adalah termasuk kos pengangkutan (operator, minyak dan tol) dan usungan, membawa masuk jentera dan lori dan semua buruh dan caj lain dan semua yang lain diperlukan bagi penyiapan sempurna tiap-tiap perkara.

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
1.0	**PENYEDIAAN TUNTUTAN BAYARAN INTERIM**		
A	Menyediakan dan mengemukakan Tuntutan Bayaran yang lengkap termasuk Invois, Laporan Gambar Kerja (dicetak di atas kertas berukuran A4 putih lengkap dengan tarikh)	Borong	70.00

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL KADAR HARGA

BIL	HURAIAN	UNIT	KADAR HARGA (RM)
2.0	**SEWAAN JENTERA**		
A	*Logistic Mobilization* (*Loader*)	Trip	2,000.00
B	*Logistic Demobilization* (*Loader*)	Trip	1,500.00
C	Jengkaut Berantai *(Excavator)* Model (Sila Nyatakan.....)	Hari	1,800.00
D	Backhoe (Jengkaut/*Breaker/Vibrohammer*) Model (Sila Nyatakan.....)	Hari	1,000.00
3.0	**KERJA KECEMASAN**		
E	Jengkaut Berantai *(Excavator)* Model (Sila Nyatakan……)	Jam	200.00
F	Backhoe *(Jengkaut/Breaker/Vibrohammer)* Model (Sila Nyatakan……..)	Jam	150.00
G	Upah operator jentera	Jam	25.00
4.0	**SEWA LORI RORO**		
H	5 tan	Trip	450.00
J	10 tan	Trip	900.00
5.0	**SEWA OPEN TIPPER**		
K	10 tan	Trip	600.00
6.0	**PEKERJA**		
L	Penyelia	Org/hari	200.00
M	Pekerja awam	Org/hari	150.00
7.0	**PELUPUSAN SAMPAH (Tapak Pelupusan Worldwide)** (Resit disertakan semasa tuntutan bayaran)		
N	Sisa bercampur (termasuk sisa domestik)	Tan	55.00
P	Sisa lengai	Tan	42.00

Berdasarkan kepada kadar harga yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga pihak saya/kami telah bersetuju dengan kadar tawaran diskaun sebanyak* .....% (dengan perkataan : .....) kepada pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya (di bawa ke Borang Sebut Harga).

.....	.....
(Tandatangan Kontraktor)	(Tandatangan Saksi)
Nama :	Nama :
No. KP :	No. KP :
Atas Sifat :	Alamat :
Cap & Alamat Syarikat :	

* sila potong mana yang tidak berkenaan
** sila isikan peratus yang ditawarkan kepada dua titik perpuluhan. (e.g 20.20)

Dokumen Meja Terkawal

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

PENENTUAN PERKHIDMATAN

Dokumen Meja Terkawal

PENENTUAN PERKHIDMATAN

i) SENARAI SEMAK

BIL	TAJUK	BUTIRAN
1.	TEMPOH PENYEWAAN	Tempoh sewaan adalah selama **12 bulan**.
2.	MASA BEKERJA	Masa bekerja adalah mengikut hari bekerja termasuk hari Sabtu iaitu bermula pukul 9.00 pagi sehingga jam 5.00 petang.
3.	JENTERA JENGKAUT *(EXCAVATOR)*	- Petender dikehendaki untuk membekalkan satu (1) unit jentera jengkaut yang mempunyai kuasa kuda di antara 120s hingga 200s. - Jentera jengkaut hendaklah berada dalam keadaan baik dan sempurna untuk mengelakkan berlaku kerosakan dan pelaksanaan kerja menjadi tergendala.
4.	JENTERA BACKHOE	- Petender dikehendaki untuk membekalkan satu (1) unit jentera backhoe yang mempunyai kuasa kuda di antara 30hp hingga 110hp. - Jentera backhoe hendaklah berada dalam keadaan baik dan sempurna untuk mengelakkan berlaku kerosakan dan pelaksanaan kerja menjadi tergendala.
5.	KEROSAKAN JENTERA JENGKAUT (EXCAVATOR) / BACKHOE	- Jentera jengkaut / backhoe yang rosak hendaklah digantikan dengan jentera jengkaut / backhoe yang lain. Jentera jengkaut / backhoe yang baru digantikan hendaklah mempunyai siri yang sama atau lebih besar tanpa ada perubahan pada kadar sewa. - Segala risiko kerosakan dan kehilangan alat ganti jentera jengkaut / backhoe di luar dan juga di kawasan tapak projek adalah tanggungjawab pihak petender.
6.	KOS OPERASI	- Penggunaan bahan api (diesel), minyak pelincir dan lain-lain kos berkaitan upah operasi adalah tanggungjawab pihak petender. - Petender bertanggungjawab untuk menghantar / mengambil jentera jengkaut / backhoe di tapak bagi melaksanakan kerja-kerja di tapak.

Dokumen Meja Terkawal

BIL	TAJUK	BUTIRAN
7.	LORI 5 TAN & 10 TAN	- Petender hendaklah menyediakan lori bersaiz **5 tan** dengan ukuran **12 kaki panjang x 6 kaki lebar x 4 kaki tinggi.** - Petender hendaklah menyediakan lori bersaiz **10 tan** dengan ukuran **18 kaki panjang x 6 kaki lebar x 4 kaki tinggi.**
8.	LORI *OPEN TIPPER* (10 TAN)	- Petender hendaklah menyediakan lori *open tipper* muatan maksimum 10 tan dengan ukuran **20 kaki panjang x 8 kaki lebar x 3 1/2 kaki tinggi**
9.	PEMANTAUAN KERJA	- Pihak MBSJ akan memantau masa dan jenis kerja yang dilakukan. Pihak MBSJ berhak membatalkan kontrak atau sebut harga pada bila-bila masa sekiranya tidak berpuashati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak petender. - Operator hendaklah bekerjasama dengan pegawai di tapak sama ada dari MBSJ atau pihak bomba atau mana-mana pihak yang terlibat dengan kejadian tersebut.
10.	OPERATOR (PENYELIA & PEKERJA AWAM)	- Alat pelindung diri (PPE) hendaklah dibekalkan oleh pihak petender dan sentiasa dipatuhi oleh operator yang melaksanakan kerja di tapak. - Keselamatan dan kebajikan operator hendaklah dikendalikan oleh pihak syarikat sepenunya.
11.	WAKTU KECEMASAN	- Pihak petender perlu bersedia sekiranya jentera jengkaut / backhoe diperlukan selepas pukul 5.00 petang. - Pihak petender perlu bersedia sekiranya permohonan jentera jengkaut / backhoe dalam tempoh 1 hari daripada tarikh permohonan pihak majlis

Disahkan oleh,

(Tandatangan & Cap Syarikat)

Nama Pemilik:_____

No. K/P: _____

No. Tel.:_____

Alamat :

Dokumen Meja Terkawal

PENENTUAN PERKHIDMATAN

SKOP KERJA – PEMBERSIHAN

A. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SAMPAH HARAM

i. Kerja-kerja pembersihan sampah haram melibatkan tanah kerajaan.

ii. Kerja-kerja pembersihan yang melibatkan tindakan penguatkuasaan bagi struktur binaan tanpa izin dan operasi perobohan binaan bangunan tanpa kebenaran.

iii. Kerja-kerja pembersihan sampah haram yang melibatkan rezab jalan.

B. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SAMPAH LONGGOK / SAMPAH PUKAL

i. Kerja-kerja pembersihan sampah longgok yang di buang oleh penduduk di bahu jalan kawasan komersial dan kawasan industri.

ii. Kerja-kerja pembersihan sampah pukal di rumah sampah bagi perumahan bertingkat yang tidak mempunyai JMB atau MC dan perumahan bertingkat kos rendah.

C. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SAMPAH BENCANA ALAM / KECEMASAN

i. Kerja-kerja pembersihan sampah rumah bagi mangsa-mangsa banjir.

SKOP KERJA – PEMADAMAN API SAMPAH HARAM

A. KERJA-KERJA PEMADAMAN API

i. Membantu pihak Bomba dalam memadamkan api kebakaran melibatkan tanah kerajaan dan rizab sungai.

SKOP KERJA – SITAAN TONG RORO

A. KERJA-KERJA SITAAN TONG RORO

i. Membantu Jabatan Penguatkuasa menyita tong roro. Sitaan tong dilakukan berdasarkan aduan yang diterima.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

TUNTUTAN BAYARAN & KADAR DENDA

Dokumen Meja Terkawal

TUNTUTAN BAYARAN

1. Tuntutan pembayaran yang lengkap beserta dokumen berkaitan hendaklah dihantar pada bulan berikutnya sebelum atau pada **10hb** setiap bulan. Jika pembekal lewat membuat tuntutan pembayaran selepas tarikh tersebut, pihak majlis akan mengenakan denda terhadap pembekal tersebut. Kadar denda merujuk di Bahagian I Kadar Denda:

KADAR DENDA

1) Kadar Denda Lewat Mengemukakan Tuntutan :

Bil	Harga Tuntutan	Kadar denda/ potongan
1.	RM 20,000.00 dan ke bawah	RM 50.00/hari
2.	RM 20,001.00 hingga RM 50,000.00	RM100.00/hari
3.	RM50,001.00 dan ke atas	RM200.00/hari

*tertakluk pada pindaan Majlis

2) Kadar Denda Lewat Perkhidmatan:

Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada kerajaan (merujuk pekeliling pk 4.2 m/s 21) dengan menggunakan formula berikut:

(BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

SURAT BUKTI PEMILIKAN / PENYEWAAN

Surat Pemilikan atau Penyewaan Jentera (Borang J1)

Tarikh:

Kepada: Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan USJ 5
47610 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN JENTERA BERAT UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KECEMASAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TAHUN 2026

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat kami menyerahkan **bukti pemilikan atau penyewaan jentera** untuk kontrak kerja di atas. Maklumat berkenaan butiran jentera tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis/Model	Muatan (Tan)	No. Pendaftaran	Jumlah
1.				
2.				
3.				

…3. Bersama-sama ini juga disertakan **salinan Sijil Pemilikan Jentera** (seperti dalam senarai semak dan perakuan petender) untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan & Cap Petender)

(Tandatangan & Cap Pemilik jentera)

Nama Pemilik: ----------
No. K/P: ----------
No. Tel.: ----------
Alamat :

Nama Pemilik : ----------
No K/P : ----------
No Tel : ----------
Alamat :

Surat Pemilikan atau Penyewaan Lori (Borang J2)

Tarikh:

Kepada: Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan USJ 5
47610 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan

CADANGAN PERKHIDMATAN PENYEWAAN LORI UNTUK MENANGANI KEBAKARAN, SAMPAH HARAM, BENCANA ALAM/KEBERSIHAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI TAHUN 2026

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat kami menyerahkan **bukti pemilikan atau penyewaan lori** untuk kontrak kerja di atas. Maklumat berkenaan butiran lori tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis/Model	Muatan (Tan)	No. Pendaftaran	Jumlah
1.				
2.				
3.				

…3. Bersama-sama ini juga disertakan **salinan Sijil Pemilikan Kenderaan** (seperti dalam senarai semak dan perakuan petender) untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan & Cap Petender)

Nama Pemilik: ----------
No. K/P: ----------
No. Tel.: ----------
Alamat :

(Tandatangan & Cap Pemilik lori)

Nama Pemilik : ----------
No K/P : ----------
No Tel : ----------
Alamat :

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN M

MAKLUMAT PETENDER